


BIDANG KEPAKARAN

1. Kejuruteraan Geologi
(Geological Engineering)
2. Geologi Sekitaran
(Environmental Geology)
3. Sains Kelestarian
(Sustainability Science)



PROF. EMERITUS DATO' DR. IBRAHIM KOMOO

© AMG

PROFIL

IBRAHIM KOMOO, FIGM, FASc, P. Geol, merupakan Felo Utama di Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), UKM. Beliau telah memegang pelbagai jawatan pentadbiran di UKM, iaitu sebagai Ketua, Jabatan Geologi; Pengarah, Institut Alam Sekitar & Pembangunan (LESTARI UKM), (1998-2000 dan 2001-2005); Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi), Universiti Kebangsaan Malaysia (2005 - 2008); Pengarah Pengasas Institut Kajian Bencana Asia Tenggara (SEADPRI-UKM) (2008-2012)(2015-2016); Penasihat Khas kepada Menteri Pengajian Tinggi, Malaysia (2011-2013); Naib Canselor, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) (2012-2015) dan Pengurus, Pusat Penyelidikan Langkawi (PPL-UKM) (2016-2017); penyandang Kursi Profesor Iskandar Malaysia @UTM (2017-2021). Bidang kepakaran beliau adalah Kejuruteraan Geologi (tanah runtuh, pengurusan geo-bencana); Geologi Sekitaran (pemuliharaan geo-warisan; geo-pelancongan; geopark); and Pembangunan Lestari (kelestarian alam sekitar; pembangunan lestari wilayah). Beliau juga menjadi rujukan di dalam bidang kelestarian bahasa, terutama bahasa pengajian tinggi. Beliau aktif menghasilkan penulisan di dalam akhbar dan telah menerbitkan hampir 200 artikel di dalam akhbar tempatan. Beliau pernah berkhidmat sebagai Naib Presiden, International Association for Engineering Geology (IAEG) (1998-2003); Presiden, Persatuan Geologi Malaysia (1998-2000); Naib Presiden, Institut Geologi Malaysia (2000-2001), Ahli Majlis, Akademi Sains Malaysia (ASM) (2010-2012) dan Pengurus Jawatankuasa Pelaksana Geopark Kebangsaan. Kini, beliau memegang jawatan sebagai Ketua Kluster Alam Sekitar dan Kelestarian, Akademi Profesor Malaysia; Naib Presiden, Global Geoparks Network Association (GGN); Naib Koordinator Asia Pacific Geoparks Network (APGN); Ahli Majlis, UNESCO Global Geoparks; Pakar dan Penilai, UNESCO Global Geoparks dan Penasihat Langkawi UNESCO Global Geopark. Beliau telah menerima beberapa anugerah tersohor dan pengiktirafan sepanjang perkhidmatan beliau di antaranya Anugerah Langkawi (2009), Science Excellence Award 2012 (Environmental Geology) dari International Union of Geological Sciences (IUGS) (2013), Malaysia Geoscientist Award (2013); Honorary Member of Geological Society of Malaysia (GSM) (2014) and Langkawi Tourism Personality Award (2015).